

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
DENGAN
UNIVERSITI MALAYA,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS,
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN,
UNIVERSITI MULTIMEDIA MALAYSIA,
TAYLOR'S UNIVERSITY**

*28 Februari 2017 (Selasa), jam 11.00 pagi
Kementerian Kerja Raya Kuala Lumpur*

Bismillahirohmanirrohim

YBhg. Tan Sri, Dato' Sri, Dato'-dato',

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha,
Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Malaysia merangkap Presiden
Lembaga Jurutera Malaysia,

Naib canselor-naib canselor universiti

Ahli-ahli Lembaga Jurutera Malaysia,

Dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1 Malaysia.

ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Lembaga Jurutera Malaysia (*Board of Engineers Malaysia*) dengan tujuh (7) universiti tempatan iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Multimedia Malaysia dan Taylor's University.

2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Malaysia yang juga Presiden Lembaga Jurutera Malaysia atas undangan beliau kepada saya untuk turut serta bersama tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam majlis ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

MoU SECARA UMUM

3. Memorandum Persefahaman atau MoU yang akan ditandatangani pada hari ini adalah untuk merealisasikan hasrat dan objektif pendaftaran secara berkelompok untuk para graduan kejuruteraan dari tujuh universiti yang saya sebutkan tadi. Dengan pendaftaran secara pukal ini, jumlah jurutera berdaftar kepada penduduk dijangka dapat ditingkatkan nisbahnya daripada 1:300 pada masa ini kepada 1:100.

4. Ini merupakan kali pertama Majlis Menandatangani MoU diadakan oleh Lembaga Jurutera Malaysia dengan tujuh buah universiti secara bersama. Oleh yang demikian, pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Lembaga Jurutera dalam merencanakan usaha memartabatkan dan memperkukuhkan profesyen kejuruteraan di negara kita.

5. Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Jurutera Malaysia sentiasa komited untuk menggalas serta merealisasikan dasar dan hasrat Kerajaan. Sebagai contoh, Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 Nov 2014 dan dikuatkuasakan pada 31 Julai 2015. Pindaan ini menandakan sokongan Kementerian Kerja Raya terhadap keputusan Kerajaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan di mana perkhidmatan kejuruteraan dan arkitek adalah sebahagian daripadanya. Antara lainnya, pindaan akta ini juga membenarkan siswazah kejuruteraan bukan rakyat Malaysia berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Usaha memartabat dan memperkasa profesyen kejuruteraan di Malaysia terutamanya di kalangan graduan diperkukuhkan lagi apabila Malaysia (melalui Lembaga Jurutera Malaysia) menjadi penanda tangan tetap bagi *Washington Accord* sejak tahun 2009. Keahlian Malaysia sebagai penandatanganan tetap *Washington Accord* telah dilanjutkan selama 6 tahun lagi selepas audit kepatuhan dilaksanakan oleh pihak *Washington Accord*. Pengumuman ini dibuat semasa mesyuarat *International Engineering Alliance* (IEA) pada Mei 2016 di Kuala Lumpur. Status Malaysia sebagai penandatanganan tetap *Washington Accord* bermakna graduan kejuruteraan dari IPTA dan IPTS tempatan yang telah diakreditasi oleh *Engineering Accreditation Council* (EAC) adalah setaraf (*equivalent*) atau *substantially equivalent* dengan graduan penandatanganan tetap *Washington Accord* yang lain. Kebanyakan penandatanganan adalah

negara maju seperti Jepun, Korea, Kanada, Afrika Selatan, United Kingdom, Amerika dan Russia.

7. Melalui status sebagai penandatangan tetap ini juga, Malaysia mempunyai kelebihan untuk menarik pelajar-pelajar dari negara luar untuk menyambung pengajian mereka di sini. Selain berpeluang menjadi '*Education Hub*' di rantau ini, Malaysia juga dilihat berupaya melahirkan graduan-graduan tempatan dan antarabangsa yang berkualiti tinggi. Di kalangan negara Islam, hanya Malaysia dan Turki sahaja menjadi penandatangan tetap Washington Accord. Pelajar-pelajar kejuruteraan yang terjejas oleh dasar luar yang diperkenalkan oleh Amerika Syarikat baru-baru ini boleh menyambung pengajian mereka di Malaysia.

Para hadirin sekalian,

8. Graduan-graduan universiti yang baru kebanyakannya tergolong dalam kategori belia. Sebagaimana yang kita sedia maklum, baru-baru ini Kerajaan telah memulakan inisiatif baru iaitu **Transformasi Nasional 2050** atau TN50. TN50 merupakan visi 30 tahun negara yang mensasarkan ke arah negara yang berkaliber dan rakyat yang berpandangan jauh. Inisiatif ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan mengutamakan generasi belia sebagai asas dalam memacu pembangunan negara dalam jangka masa akan datang. Saya—berhasrat mengadakan sesi libat urus atau *engagement* bersama para profesional muda dalam masa terdekat bagi mendapatkan aspirasi mereka bagi bidang profesional, kejuruteraan, arkitek dan juruukur bahan menjelang tahun 2050. Di sini, saya

menyeru semua IPTA dan IPTS termasuk Lembaga Jurutera Malaysia untuk sama-sama mendokong TN50 demi kemajuan negara dan generasi akan datang.

9. Saya berharap kesemua IPTA dan IPTS di negara ini yang menawarkan program kejuruteraan akan turut memeterai memorandum persefahaman dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Dengan adanya lebih ramai graduan kejuruteraan yang kompeten, hasrat kita untuk menjadi negara maju akan dapat direalisasikan dengan lebih cepat.

PENUTUP

10. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Jurutera Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Multimedia Malaysia dan Taylor's University atas usaha untuk memeterai memorandum persefahaman pada hari ini.

11. Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum wbt.